



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|---------------------------------------|---|
| - Operasi Meroboh Rumah Ikut Prosedur | 7 |
| - JAS Tingkatkan penguatkuasaan | 3 |

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Selangor sangkal putihkan kilang sisa plastik haram | 70 |
|---|----|

The Star

- | | |
|---------------------------------------|---|
| - Unlicensed factories given deadline | 2 |
|---------------------------------------|---|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Operasi Meroboh Rumah Ikut Prosedur
Muka Surat	7

Operasi roboh rumah ikut prosedur

um 25/9/19 ms 7

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Selepas didakwa 'mendiamkan diri' berhubung langkah kerajaan Negeri Selangor merobohkan rumah penduduk Paya Jaras Hilir Sungai Buloh di Selangor, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Mohd. Khairuddin Othman akhirnya tampil memberi penjelasan.

Bercakap ketika menghadiri segmen *Mornink Blues* kendalian *Utusan Online* dalam Facebook hari ini, Mohd. Khairuddin menyatakan operasi merobohkan rumah terbabit yang dibina di atas tanah rizab milik kerajaan Negeri Selangor adalah dilaksanakan mengikut prosedur ditetapkan.

Beliau malah memberitahu, kajian pelbagai sudut termasuk melibatkan undang-undang dan hak pemilikan telah dilakukan sejak tahun 2015 sebelum operasi perobohan dijalankan.

Kepada penduduk terlibat, Mohd. Khairuddin menjelaskan mereka sepatutnya membuat permohonan injunksi di mahkamah jika mempunyai geran sah.

"Daripada 92 kita benci beberapa banyak geran ada. Ada 20 geran? Yang tular satu geran.

Itu pun yang kita ukur betul-betul dan tidak masuk dalam kawasan yang dirobohkan.

"Jika penduduk merasakan ada geran sah mereka boleh buat injunksi. Malah, kita ambil masa sejak tahun 2015 sebelum nak roboh dan daripada 36 rumah (dirobohkan) yang duduk di khemah lima keluarga. Itu pun kita minta Lembaaga Zakat Selangor (LZS) benci supaya ada bantuan untuk mereka," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Khairuddin memberitahu terpaksa berlaku adil dengan penduduk di kawasan Paya Jaras Hulu, Paya Jaras Hilir, Paya Jaras Tengah dan Paya Jaras Dalam yang terdedah dengan ancaman banjir sejak sekian lama.

"Rumah-rumah penduduk yang dirobohkan minggu lepas, ada yang dibina di atas rizab sungai dan Sungai Kedondong perlu dilebarkan bagi mengatasi masalah.

"Persoalannya, yang mana perlu diberikan perhatian? Masalah penduduk yang berhadapan dengan banjir atau pun memindahkan penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Kedondong agar sungai berkenaan boleh dilebarkan bagi mengatasi banjir," ujarnya.



KHAIRUDDIN OTHMAN



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	JAS Tingkatkan penguatkuasaan
Muka Surat	3

JAS tingkatkan penguatkuasaan

UM 25/9/19 me 3.

PUTRAJAYA 24 Sept. - Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan meningkatkan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan yang berpotensi berlaku aktiviti pembakaran terbuka selain memantau bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dari semasa ke semasa.

Dalam kenyataan hari ini, JAS memaklumkan, satu mesyuarat khusus bagi penyelarasan penguatkuasaan pembakaran terbuka di Johan Setia, Klang telah diadakan bagi mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan sedia.

"JAS akan meminta bantuan daripada agensi lain seperti polis dalam membuat tangkapan terhadap pesalah yang sengaja mengadakan pembakaran terbuka di kawasan itu," katanya.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,

mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali manakala kompaun maksimum sebanyak RM2,000 boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Setakat pukul 6 petang ini, IPU di tujuh kawasan mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu Ipoh (111), Seri Manjung (127), Klang (108), Johan Setia (161), Putrajaya (107), Nilai (110) dan Temerloh (102).

Sementara itu, kira-kira 300 pelajar Malaysia di wilayah Riau dan Jambi, Indonesia yang terjejas teruk akibat jerebu dibawa keluar dari kawasan itu.

Menurut Wisma Putra, proses pemindahan itu melibatkan pelajar Malaysia yang menuntut di daerah yang telah diisytihar-

kan Darurat Pencemaran Udara oleh kerajaan Indonesia bermula semalam sehingga 30 September ini.

Tambahnya, keadaan jerebu di wilayah tersebut berada pada tahap sangat membimbangkan dengan bacaan IPU di antara 550-700 iaitu dalam kategori berbahaya.

"Proses evakuasi dilaksanakan secara bersama oleh Kementerian Luar dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan," jelasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Wisma Putra, pihaknya dan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta telah mengaktifkan Bilik Operasi bagi memastikan kelancaran proses pemindahan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor sangkal putihkan kilang sisa plastik haram
Muka Surat	70

Program pemutihan kilang tanpa kebenaran

Selangor sangkal putihkan kilang sisa plastik haram

BH 25/9/19 ms 70

Program usaha bantu semua pengusaha beroperasi secara sah

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Klang: Kerajaan negeri menyangkal dakwaan kononnya program pemutihan kilang tanpa kebenaran, semata-mata untuk membantu memutihkan kilang sisa plastik haram.

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han, berkata sebaliknya program itu sebagai usaha membantu semua pengusaha kilang di negeri ini menjalankan aktiviti mereka secara sah.

Beliau berkata, ketika ini, ada pihak tidak bertanggungjawab cuba memutar belit kenyataan dan menuduh kerajaan Selangor sedang memutih kilang sisa plastik haram yang diimpor.

"Saya tegaskan itu satu fitnah dan ingin menekankan bahawa Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran ini tiada kaitan dengan kilang sisa plastik haram.

"Antara tujuan utama bagi program ini juga adalah untuk mencegah pencemaran. Jadi, program ini tiada kaitan (dengan memutihkan) industri sisa plastik," katanya pada sidang media



Sze Han bersama sebahagian wakil PBT selepas Majlis Pelancaran Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Selangor, di Klang semalam. (Foto Ruwaida Md Zain/BH)

selepas Majlis Pelancaran Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran di Selangor, di Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang (MPK) di sini, semalam.

Sze Han berkata, melalui program itu, kerajaan negeri bersempena memberi satu lagi tempoh selama setahun kepada pengusaha kilang haram yang masih belum mendaftar untuk tujuan pemutihan, berbuat demikian, bermula 1 Oktober ini sehingga 30 September 2020 sebelum tindakan penguatkuasaan diambil terhadap mereka.

Katanya, program itu terdiri daripada dua fasa pelaksanaannya iaitu tempoh pemutihan dan tawaran insentif serta tindakan

penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh Selangor.

Beliau berkata, PDT akan mengeluarkan Notis 7E serta denda selaras dengan Seksyen 127(1A) (a) dan 127(1A) (b) Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

"Sekiranya pelanggaran syarat kategori tanah masih berterusan, PDT akan merampas tanah selaras dengan Seksyen 130 KTN 1965 manakala PBT juga akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan berdasarkan dua Akta iaitu Akta 172, Akta Perancang Bandar dan Desa dan Akta 133, Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974," katanya.

Beliau berkata, tindakan itu akan dilaksanakan terhadap semua pemilik berdaftar tanah pengusaha kilang sama ada dalam atau luar zon perindustrian.

Pada masa sama, Sze Han berkata, tindakan penguatkuasaan bersepadu juga dilaksanakan terhadap kilang yang dibina di atas tanah kerajaan seperti rizab sungai, jalan dan kawasan lapang.

Katanya, kerajaan negeri juga akan turun sendiri ke setiap PBT terutama di kawasan perindustrian 'hot spot' seperti di Sungai Buloh, Telok Gong dan Hulu Langat, berikutan masih ada pemilik kilang yang gagal 'memutihkan' kilang masing-masing walaupun kempen itu sudah dimulakan sejak 2006.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Unlicensed factories given deadline
Muka Surat	2

Unlicensed factories given deadline

THE STAR 28/9/19 ms 2

Selangor operations have one year to settle legality issues or face seizure

By BRENDA CH'NG
and KALAIVANI MURUGASAN
newsdesk@thestar.com.my

KLANG: About 3,000 unlicensed factories in Selangor must either legalise operations by Sept 30 next year or risk having their land seized by the District Land Office.

Those who fail to do so after the deadline will also face fines of RM500 and an additional RM100 per day from the cut-off date.

Based on a 2013 census, there are about 2,885 unlicensed factories built on 2,638 agricultural plots of land statewide.

These unlicensed factory operators will now have two choices, which is to either vacate and look for another suitable land to operate on or convert the existing agricultural land to industrial.

"The state has decided to give factory operators and land owners in Selangor one last chance to legalise operations by Sept 30 next year.

"Before this, we have already done a total of six similar programmes, between July 2006 and December 2015," said state Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han after launching the programme to license factories and regulate operations in Selangor at the Dewan Hamzah Hall in Klang.

As of last year, only 630 factories were legalised to date and Ng hopes that all unlicensed factories will be legalised by next year.

To make this programme a success this time round, the state will be offering incen-



Making things right: Factory operators receiving information during the launch of the programme to license factories and regulate operations at the Dewan Hamzah Hall in Klang.

tives to factory and land owners in a bid to tackle the mushrooming illegal factories.

For those who wish to convert agricultural land into industrial land, a discount will be given on the premium for land conversion.

If the premium is paid within two months, a 30% discount will be given; if paid within four months, a 20% discount will be given and if paid within six months, 10% will be given.

"For those who still cannot afford to pay the premium, owners can also opt to pay only

10% but the land will be under the Registrar's caveat.

"This is the first time any state in the country is offering such a deal where factory owners need only pay a nominal sum," he said.

Ng said the premium could amount from anywhere between the thousands and millions, especially if the land is situated at prime locations like in Sungai Buloh.

In fact, Sungai Buloh is one of the hotspots for unlicensed factories, including Telok Gong

and Hulu Langat.

Meanwhile, factories which are already operating in the industrial zone need only get its operating licence with the respective local councils.

Those operating on government reserve land - by the river or near schools and residential areas - will have to find another location and move out.

"Owners can apply for a temporary operating licence with the council while the operations are being relocated to another more suitable location," he said, adding that only serious applicants would be entertained.

Owners must show proof of the premises they are relocating to.

"Our aim of doing this is to also prevent pollution, by ensuring all factories are fitted to the safety standards set by the respective local councils so that harmful chemicals for example, will not be leaked into the river or air," he said.

Ng further stressed that this programme did not include legalising illegal plastic recycling factories which deals with imported waste, as that must be approved by the Department of Environment (DoE) first.

"Some people have blamed me for using this programme to legalise plastic recycling factories and I would like to say that it is baseless slander and untrue."

"Recycling of imported plastic waste is not encouraged, but for the recycling of local plastic waste factories must first seek approval from the DoE before the local councils can issue the operating licence," he said.